

KATA PENGHUBUNG DALAM BAHASA MELAYU: PERSOALAN LINGUISTIK DAN GAYA

Mohammad Fadzeli Jaafar

Abstrak

Ayat kompleks ialah ayat yang terdiri daripada dua atau lebih klausa yang dihubungkan oleh kata penghubung. Dalam bahasa Melayu, klausa setara biasanya dihubungkan oleh kata penghubung setara, misalnya kemudian, sementara klausa tak setara dihubungkan oleh kata penghubung tak setara, misalnya *serta*. Bagaimanapun, didapati bahawa pemerian tentang kata penghubung dalam bahasa Melayu tidak dibincangkan dengan wajar oleh penahu, khususnya dari segi istilah dan fungsi. Oleh itu, makalah ini bertujuan untuk menggambarkan dan membincangkan fungsi unsur penghubung, dan bagaimana fungsi tersebut berkaitan dengan penggunaan dan gaya dalam teks sastera Melayu. Secara khususnya, makalah ini akan memperlihatkan bagaimana unsur penghubung digunakan untuk menambah maklumat lakuan dan bukan lakuan dalam sesuatu ayat kompleks dalam bahan tersebut. Dengan erti kata lain, perbincangan linguistik tentang kehadiran unsur penghubung yang berdasarkan contoh sebenar yang digunakan oleh pengarang Melayu. Hal ini akan memberikan kesahan dalam menghubungkan deskripsi linguistik dengan penggunaan sebenar, dan gaya unsur penghubung dalam bahasa Melayu. Perbincangan ini akan menyumbang kepada bidang linguistik Melayu dalam konteks status dan fungsi unsur penghubung dalam bahasa Melayu.

Abstract

*A complex sentence is one in which two or more clauses are joined together with conjunctions. In Malay, independent clauses are usually joined by coordinating conjunctions, such as kemudian, while dependent clauses are joined by subordinating conjunctions, such as *serta*.*

However, it is found that the description of Malay conjunctions is not well discussed by the grammarians, especially in terms of their status and functions. Hence, the purpose of this article, that is to describe and discuss the functions of conjunctions and how these functions relate to their usage and style in Malay literary text. Specifically, the article will show how conjunctions are used to add some information of act and non act in complex sentences in these sources. In other words, linguistic discussions of occurrences of these conjunctions are based on real examples as used by a Malay writer. These provide validity in relating the linguistic descriptions with the real usage and style of conjunctions in the language. The discussions will contribute to the field of Malay linguistics in terms of the status and conjunctions in Malay.

PENDAHULUAN

Kata penghubung berfungsi untuk menghubungkan dua unsur yang setara atau tak setara dalam sesuatu ayat kompleks. Unsur yang menghubungkan dua klausa setara disebut sebagai kata penghubung setara, sementara unsur yang menghubungkan satu klausa utama dengan klausa subordinat dinamakan sebagai kata penghubung tak setara. Dalam penelitian aspek gaya, makna sesuatu kata penghubung, sama ada setara atau tak setara dalam sesuatu ayat kompleks adalah berbeza. Hal ini berkait dengan pilihan. Misalnya sesuatu ayat yang mengambil kata penghubung *kemudian* tidak dapat digantikan dengan kata penghubung lain, misalnya *sambil*. Perhatikan contoh ayat yang berikut:

- (1) [1.6.4] Dalim menanti mengesat-ngesat matanya yang dimasuki air, *kemudian* sengaja mendongak semula membuka mulut menelan air hujan.
- (2) [1.10.12] Dia naik atas balak itu, berbaring *sambil* membuka mulutnya lebar-lebar menelan air hujan yang terjun ke dalam mulutnya.

Kedua-dua contoh ayat di atas memperlihatkan fungsi kedua-dua unsur *kemudian* dan *sambil* adalah sama, iaitu untuk menghubungkan dua klausa yang setara. Tetapi dari segi makna, unsur *sambil* membawa maksud persertaan lakuan, misalnya *berbaring sambil membuka mulutnya*. Dengan erti kata lain, makna unsur *sambil* dalam contoh (2) ini ialah

‘dan pada waktu itu’ (Dia, iaitu Dalim naik ke atas balak itu, berbaring ‘dan pada waktu itu’ ia membuka mulutnya ...). Bagi contoh (1) pula, proses lakuan *mengesat-ngesat matanya kemudian sengaja mendongak* tidak menunjukkan lakuan yang bersama-sama dibuat, tetapi ada maksud berturutan, iaitu satu lakuan kemudiannya diikuti oleh satu lakuan lain secara berturutan waktu.

Selanjutnya, cuba kita bandingkan contoh (1) dan (2) di atas dengan contoh ayat yang berikut yang dipetik daripada Nik Safiah Karim *et al.* (1991:201):

- (3) Sampah itu dipungutnya *kemudian* dicampakkan ke dalam tong sampah.
- (4) Ahli politik itu berpidato *sambil* menepuk-nepuk dadanya.

Kedua-dua contoh ayat (3) dan (4) di atas juga menunjukkan makna yang sama dengan dua ayat sebelumnya, iaitu penggunaan unsur *kemudian* dan *sambil* adalah untuk menghubungkan dua proses lakuan oleh pelaku yang sama. Unsur *kemudian* menunjukkan hubungan berturutan, sementara unsur *sambil* menunjukkan hubungan persertaan.

Huraian di atas menunjukkan bahawa maklumat linguistik tentang fungsi kedua-dua kata penghubung ini juga dapat dimanfaatkan dalam kajian gaya bahasa, iaitu sekurang-kurangnya bagi konsep kata yang menghubungkan dua klausa yang setara. Cuma dalam kajian gaya bahasa, huraian tentang makna kata penghubung dapat diperjelas, iaitu sebagai penghubung antara dua proses lakuan bagi menunjukkan hubungan berturutan atau persertaan.

Kesemua contoh ayat di atas juga, pada pendapat penulis, sering ditemukan dalam karya sastera berbanding dengan teks jenis lain, misalnya teks ilmiah. Ini kerana teks kesusasteraan, misalnya novel dapat memperlihatkan penggunaan proses lakuan dan subjek bernyawa, iaitu manusia (sila lihat contoh ayat di atas). Pandangan ini sebenarnya cuba mencadangkan bahawa teks kesusasteraan dapat dijadikan sebagai bahan bahasa untuk memeri sesuatu unsur nahu dalam bahasa Melayu. Makalah ini sesungguhnya merupakan salah satu usaha untuk membuktikan hakikat tersebut. Penulis ingin melanjutkan perbincangan tentang unsur penghubung tertentu dalam teks kreatif bahasa Melayu, iaitu berdasarkan pemerian oleh beberapa orang ahli tatabahasa Melayu. Pemerian ini kemudiannya akan dihubungkan dengan bahan bahasa yang diambil daripada teks kreatif, iaitu untuk tujuan perbandingan.

Pemerian Kata Penghubung

Berdasarkan pemerhatian, penulis mendapati telah wujud perbezaan maklumat linguistik tentang unsur penghubung dalam tatabahasa Melayu, khususnya dari segi peristilahan dan pengelompokan. Misalnya, Za'ba (1965:187) menggunakan istilah *sendi kata penambah* dan *sendi kata penambat* bagi merujuk jenis kata penghubung dalam bahasa Melayu. Asmah Haji Omar (1986:193) pula menggunakan istilah *kata penghubung setara* dan *tak setara*. Menurutnya, kata penghubung setara menghubungkan dua unsur yang setara, sementara kata penghubung tak setara menghubungkan klausa subordinat pada ayat induk. Klausa subordinat merupakan klausa tak setara. Seterusnya, Abdullah Hassan (1987:150) menggelarkannya *kata hubung setara* dan *kata hubung tak setara*. Baginya, kata hubung setara berfungsi untuk menghubungkan dua unsur yang sama tara, sementara kata hubung tak setara menghubungkan frasa atau klausa yang tak sama tara, iaitu menghubungkan klausa induk dengan klausa subordinat. Nik Safiah Karim *et al.* (1991:201) pula menyebutnya sebagai *kata hubung gabungan* dan *kata hubung pancangan*. Kata hubung gabungan berfungsi untuk menghubungkan dua klausa atau lebih yang setara. Kata hubung pancangan pula menyambungkan klausa-klausa tak setara yang dipancarkan pada klausa utama atau klausa induk. Pengkaji lain, iaitu Liaw Yock Fang dan Abdullah Hassan (1995:99) menggunakan istilah *kata penghubung setara* dan *kata penghubung tak setara*. Menurut mereka, kata penghubung setara dapat melakukan semua fungsi kata penghubung, tetapi kata penghubung tak setara hanya mampu menyambung dua ayat sahaja.

Makalah ini bagaimanapun menggunakan istilah kata penghubung tak setara dan kata penghubung *tak setara*. Sebabnya ialah kehadiran imbuhan *peng-* membawa maksud fungsinya sebagai alat yang menghubungkan sesuatu, sama ada kata, frasa, klausa atau ayat. Maksudnya, istilah *kata penghubung* cuba dilihat dalam konteks yang lebih luas lagi, iaitu dari segi semantik, bukan sekadar sintaksis. Jika kita menerima istilah *kata penghubung*, maka lebih mudahlah dijeniskannya, misalnya *kata penghubung setara* dan *tak setara*. Istilah setara dan tak setara lebih sesuai digunakan kerana rujukannya kepada taraf sesuatu klausa itu. Lebih-lebih lagi kesemua penahu di atas memang sependapat bahawa kata penghubung setara berfungsi untuk menghubungkan antara klausa yang setara, sementara kata penghubung tak setara berfungsi untuk menghubungkan klausa setara dengan klausa tak setara. Misalnya:

- (5) [1.1.4] Air terlalu pasang, *dan* tangga yang berhampiran dengan

tiga batang balak semuanya tenggelam.

- (6) [1.1.2] Sungai yang hitam airnya tidak putus-putus berkalung-kalung *kerana* tikaman air hujan.

Klausa setara pertama dalam contoh (5) ialah *Air terlalu pasang*, sementara klausa setara kedua ialah *tangga yang berhampiran dengan tiga batang balak semuanya tenggelam*. Fungsi unsur dan dalam konteks ini adalah untuk menghubungkan kedua-dua klausa setara tersebut dan sebagai penambah maklumat. Contoh ayat (6) agak berbeza kerana terdiri daripada klausa setara dan klausa tak setara. Klausa setara ialah *Sungai yang hitam airnya tidak putus-putus berkalung-kalung*, manakala klausa tak setara ialah *kerana tikaman air hujan*. Klausa tak setara ini tidak dapat berdiri sendiri kerana maksudnya terikat pada klausa setara sebelumnya. Unsur kerana dalam contoh ini berfungsi untuk memperincikan klausa utama.

Selanjutnya, beberapa kata penghubung setara dan tak setara telah dikelompokkan secara berbeza oleh penahu bahasa Melayu, iaitu:

Jadual 1 Pengelompokan kata penghubung setara dan tak setara.

Penahu	Kata penghubung setara	Kata penghubung tak setara
Za'ba (1965)	<i>serta, lalu, kecuali</i>	<i>sambil, serta, sementara</i>
Asmah Haji Omar (1986)	<i>serta</i>	
Abdullah Hassan (1987)	<i>sambil, serta</i>	
Nik Safiah Karim <i>et al.</i> (1991)	<i>serta, sambil, lalu, kemudian</i>	<i>sementara</i>
Liaw Yock Fang dan Abdullah Hassan (1995)	<i>serta, sambil, lalu, kecuali</i>	<i>sambil, sementara</i>

Perbezaan pengelompokan kedua-dua jenis kata penghubung tertentu dalam Jadual 1 di atas tentunya mampu mencetuskan perbincangan yang lebih lanjut. Unsur *serta* misalnya, diiktiraf sebagai kata penghubung setara oleh semua penahu, dan Asmah Haji Omar turut mengkategorikannya sebagai kata penghubung tak setara. Unsur *sambil* pula tidak dinyatakan statusnya

oleh Asmah Haji Omar, sementara Za'ba mengkatégorikannya sebagai kata penghubung tak setara. Penahu lain bersepakat meletakkannya sebagai kata penghubung setara. Unsur *kecuali* hanya diiktiraf statusnya sebagai kata penghubung setara oleh Za'ba, dan Liaw Yock Fang dan Abdullah Hassan. Unsur *lalu* tidak dinyatakan statusnya oleh Asmah Haji Omar dan Abdullah Hassan, sementara penahu lain mengkatégorikannya sebagai kata penghubung setara.

Selanjutnya, unsur sementara dianggap sebagai kata penghubung tak setara oleh Za'ba, Nik Safiah Karim *et al.*, dan Liaw Yock Fang dan Abdullah Hassan, manakala unsur kemudian hanya dinyatakan sebagai kata penghubung setara oleh Nik Safiah Karim *et al.* Makalah ini akan memberikan tumpuan kepada semua unsur penghubung dalam Jadual 1 di atas, iaitu berdasarkan data bahasa yang telah dianalisis. Dengan cara ini, status dan fungsi sesuatu unsur penghubung itu dapat dibincangkan secara lebih berpeda.

Data Bahasa

Kajian gaya bahasa agak sukar dilakukan tanpa maklumat linguistik, khasnya bagi sesuatu teks sastera yang mempunyai struktur yang pelbagai dan rencam (Raymond Chapman, 1975:13). Dalam hal ini, Mick Short (1996:255–6) pernah menyatakan bahawa novel ialah genre yang paling sukar dianalisis secara stilistik kerana: (i) kepanjangannya, oleh sebab itulah penelitian aspek linguistik hanya dapat dilakukan terhadap segmen atau bab tertentu sahaja (ii) novel ialah genre yang sangat kompleks, bagi maksud struktur wacananya. Bagaimanapun, hakikat yang tidak dapat dinafikan ialah selama lebih 200 tahun novel telah menjadi bentuk penulisan sastera yang paling dominan dalam sebahagian besar masyarakat yang celik huruf (Fowler, 1979:1). Ini bermakna, novel merupakan medium yang paling stabil dan mudah diterima oleh pembaca. Hal ini mungkin kerana setiap orang suka membaca cerita, berbanding genre lain, misalnya puisi yang lebih sukar untuk dihayati, sementara drama pula lebih senang ditonton daripada membacanya (Short, 1996:255). Faktor kedominanan dan kestabilan novel telah menjadi sebab pemilihannya sebagai data bahasa dalam makalah ini.

Empat segmen yang dipetik daripada novel *Sungai Mengalir Lesu* (1997), karya A. Samad Said telah dijadikan sumber data bahasa. Yang dimaksudkan dengan “segmen” ialah subcerita yang terdapat dalam Bab 1, yang secara keseluruhannya terdiri daripada enam segmen. Segmen atau subcerita ini dapat juga disebut sebagai ‘peristiwa-peristiwa berangkai’ (A.

Samad Said, 1987:64), iaitu susunan beberapa peristiwa yang membentuk satu cerita. Setiap segmen ini berkesinambungan dan dapat pula berdiri sebagai suatu wacana yang utuh. Jumlah bagi kesemua segmen ini terangkum dalam 18 halaman. Jumlah keseluruhan perenggan ialah 53, sementara ayatnya sebanyak 236. Bagi memudahkan perbincangan dan rujukan, keempat-empat segmen ini telah dianalisis secara perenggan demi perenggan dan ayat demi ayat. Contohnya ialah ayat (5) di atas, iaitu angka 1 [1.1.4] yang terawal bermaksud segmen yang pertama. Angka 1 yang mengikutinya menandakan perenggan yang pertama dalam segmen itu. Seterusnya angka 4 bermaksud ayat keempat dalam perenggan itu.

Menghubungkan Maklumat Linguistik dengan Teks Kesusasteraan

Yang berikut ialah perbincangan yang mencuba untuk menghubungkan maklumat linguistik tentang kata penghubung dengan penggunaannya dalam teks kreatif bahasa Melayu. Dalam teks kajian ini, terdapat 17 ayat yang menggunakan kata penghubung kemudian (7), *sambil / serta* (5), *lalu* (2), *kecuali* (2) dan *sementara* (1), iaitu seperti yang berikut:

- (7) [1.2.3] Sesekali dua tiga orang kanak-kanak berlari *sambil* berlonjak-lonjak *sambil* menjengah ke sungai yang amat malas itu.
- (8) [1.5.4] Dia menunduk tersenyum, rambut menutupi matanya semula, menjadikannya tiba-tiba marah, *lalu* menguak-kan rambut itu semula.
- (9) [1.6.4] Dalim menanti mengesat-ngesat matanya yang dimasuki air, *kemudian* sengaja mendongak semula membuka mulut menelan air hujan.
- (10) [1.8.5] Dia membetulkan kembannya, menyauk rambutnya yang mengerbang, *lalu* mengumpulkan seluruhnya ke kiri tengkuknya.
- (11) [1.10.6] Dia menyelam lagi, hilang beberapa ketika *kemudian* timbul betul-betul sekaki dua dari tikus yang semakin menggelisah itu.
- (12) [1.10.12] Dia naik atas balak itu, berbaring *sambil* membuka mulutnya lebar-lebar menelan air hujan yang terjun ke dalam mulutnya.
- (13) [1.10.13] Dia ketawa, *kemudian* cuba menangkap air hujan yang masih juga merintik-rintik itu.

- (14) [1.11.1] Tuminah memandang sekeliling dengan gelisah, *kemudian* ternampak seorang anak berlonjak-lonjak semula di atas balak.
- (15) [1.11.5] Dia melonjak-lonjak semula dengan tangan menunjuk-nunjuk ke arah langit, *kemudian* terjun berenang mengarah ke jambatan hijau.
- (16) [1.12.2] Orang tua itu tersenyum, *kemudian* berjalan semula.
- (17) [2.13.6] Kereta sampah yang disorong datang mengambilnya, *kemudian* pergi untuk ke kubur mana tiada yang tahu.
- (18) [2.19.1] Tuminah mengesat matanya lagi *sambil* memikirkan dari mana pula dia harus mencari makanan itu.
- (19) [4.47.2] Soal Tompong serta-merta hilang dari ingatan mereka di dalam *shelter* itu, *kecuali* Mak Buruk.
- (20) [4.47.5] Barangkali dia masih juga menjulurkan kakinya *sambil* menggeleng-gelengkan kepalanya terus-menerus dan menyanyi ataupun berleter tidak penat-penatnya.
- (21) [4.48.2] Dia tahu perang dari kata-kata orang dan dari siren berombak dan deruman B24 dan B29 *serta* demberangan bom dan debak-debuk meriam ke langit.
- (22) [4.50.3] Antara 6 atau 7 tahun yang lalu dengan sekarang, bentuk badannya tidak banyak berubah, *kecuali* membesar sedikit saja.
- (23) [4.50.6] Giginya besar-besar teguh, tetapi jarang-jarang, sementara rambutnya yang terlalu panjang itu melorot sampai jauh ke hujung tengkuk.

Kesemua contoh ayat di atas menggunakan pelaku bernyawa, iaitu nama khas, misalnya, *Tuminah*, ganti nama ketiga, misalnya *Dia*, ganti nama genitif, misalnya *nya*, dan frasa nama tentu, misalnya *Orang tua itu*. Pelaku bernyawa ini digambarkan melakukan pelbagai proses lakuan, yang sebahagian besarnya melibatkan gerak fizikal. Bagaimanapun, ada juga kata penghubung yang tidak menghubungkan sesuatu proses lakuan, misalnya unsur *serta* dan *kecuali* (namaan); dan *kemudian* (mental, iaitu bagi contoh tertentu). Selanjutnya, cuba kita hubungkan setiap penggunaan kata penghubung ini dengan pemerian oleh beberapa orang penahu di Malaysia.

Bermula dengan unsur *serta*, Za'ba (1965:190) ada menjelaskan bahawa unsur *serta* berfungsi untuk menambah dan menunjukkan persertaan atau bersama-sama dibuat. Dengan erti kata lain, makna unsur ini ialah "dan pada waktu itu". Unsur *serta* juga boleh menjadi sendi nama, iaitu bagi

maksud “dengan” atau “bersama-sama”. Huraian Za‘ba ini ternyata benar kerana contoh ayat (21) menunjukkan penggunaan unsur serta membawa maksud “dengan” atau “bersama-sama”, iaitu watak Dia (Tompang) tahu perang daripada pelbagai sumber, misalnya daripada kata-kata orang, siren berombak, deruman B24 dan B29 serta (bersama-sama) demberangan bom dan debak-debuk meriam.

Bagi unsur *sambil* pula, cara penggunaannya agak berbeza kerana kesemua contoh ayatnya menunjukkan unsur ini berfungsi sebagai penghubung beberapa proses lakuan atau peristiwa yang berlaku hampir serentak. Unsur lakuan yang dihubungkan *sambil* ialah ayat (7) *berlari sambil berlonjak-lonjak sambil menjengah*, ayat (12) *berbaring sambil membuka mulutnya*, ayat (18) *mengesat matanya lagi sambil memikirkan* dan ayat (20) *menjulurkan kakinya sambil menggeleng-gelengkan kepalanya*. Dari segi semantik, kesemua lakuan ini dapat dilakukan tanpa berselang. Maksudnya sesuatu lakuan itu dapat dilakukan *sambil* diikuti satu lakuan yang lain. Dan oleh sebab kesemua proses lakuan ini dilakukan oleh subjek yang sama, maka penghilangan subjek selepas unsur *sambil* adalah wajar, iaitu sebagai satu cara untuk menunjukkan siri lakuan yang pantas dan terjadi pada waktu yang sama. Pola yang sama dalam empat contoh ayat ini dapat dianggap sebagai gaya penggunaan unsur *sambil* dalam teks kreatif bahasa Melayu, iaitu pengarang akan menggunakan unsur ini bagi menghubungkan beberapa lakuan yang berlaku hampir serentak oleh pelaku yang sama.

Bagi unsur *lalu* pula, Za‘ba ada menjelaskan bahawa unsur ini berfungsi untuk menambah dan menunjukkan perhubungan terus antara kata kerjanya dengan tiada antara lagi. Contohnya ialah:

(24) Burung itu terbang *lalu* hinggap pada suatu dahan.

Kehadiran unsur *lalu* dalam ayat (24) di atas menunjukkan bahawa proses lakuan *hinggap* berfungsi untuk mengembangkan lakuan *terbang* yang berlaku sebelumnya, dan proses lakuan ini berlaku secara terus–tidak berhenti. Pemerian Za‘ba ini dapat dihubungkan dengan contoh ayat (8) dan (10) di atas, yang menunjukkan perhubungan terus pada klausa kedua dan ketiga, iaitu: klausa *marah lalu menguakkan rambut* dan *menyauk rambutnya lalu mengumpulkan seluruhnya*. Unsur *lalu* dalam konteks ini berfungsi untuk menambah maklumat proses lakuan oleh pelaku yang serupa. Unsur ini juga didapati mempunyai komponen + *waktu* dan + *sebab*, yakni proses lakuan *menguakkan rambut* dan *mengumpulkan rambut* dilakukan selepas *marah* dan *menyauk*. Kedua-dua proses lakuan *menguakkan rambut* dan *mengumpulkan seluruhnya* juga menjadi penyebab pada lakuan sebelumnya.

Selanjutnya, unsur *kecuali* berfungsi untuk menambah dan sekali gus mengecualikan sesuatu daripada yang sedia diperkatakan sebelumnya (Za'ba, 1965:191). Fungsi unsur *kecuali* ini adalah hampir sama fungsinya dengan *melainkan*. Berhubung dengan dua contoh ayat (19) dan (22) di atas yang menggunakan unsur *kecuali*, makalah ini merumuskannya melalui pola “x *kecuali* y”. Lambang x bermaksud seluruh klausa yang hadir sebelum unsur *kecuali*, sementara “*kecuali* y” ialah klausa yang mengikutinya. Misalnya, berdasarkan contoh ayat (19), klausa x menceritakan watak Tompang yang serta-merta hilang daripada ingatan mereka yang berada di dalam *shelter* itu. Unsur *mereka* dirujuk kepada semua yang berada di situ, yang tidak kesahkan nasib Tompang yang tidak sempat dibawa ke dalam *shelter* itu. Klausa “*kecuali* y” bagaimanapun merupakan peristiwa pengecualian kerana y dalam konteks ini dirujuk kepada watak Mak Buruk. Maksudnya, hanya Mak Buruk yang kesahkan nasib Tompang. Unsur *kecuali* oleh itu berfungsi untuk menggantikan seluruh klausa sebelumnya. Jika berdasarkan takrif Za'ba, maka klausa selepas *kecuali* berfungsi untuk mengecualikan sesuatu yang telah disebut sebelumnya, yakni memperluas makna klausa sebelumnya. Contoh ayat (22) pula menjelaskan bentuk badannya (Tompang) sejak enam atau tujuh tahun lalu berbanding dengan sekarang, tidak banyak berubah—pola x. Seterusnya, seluruh klausa ini telah digantikan dengan “*kecuali* y”, yakni bentuk badan Tompang sebenarnya membesar sedikit—tambahan kepada maklumat sebelumnya. Unsur *kecuali* dalam kedua-dua contoh ayat ini juga dapat digantikan dengan *melainkan* bagi maksud yang hampir sama. Justeru, status unsur *kecuali* dan *melainkan* adalah hampir sama, iaitu untuk menambah maklumat bagi maksud pengecualian. Sekali gus unsur ini dapat dianggap sebagai kata penghubung setara.

Seterusnya, jika berdasarkan Jadual 1 di atas, hanya Nik Safiah Karim *et al.* (1991:201) yang mengkategorikan unsur *kemudian* sebagai kata penghubung setara atau disebutnya sebagai kata hubung gabungan. Misalnya, ayat (3) di atas menunjukkan fungsi unsur *kemudian* yang menghubungkan dua klausa setara. Ayat yang terbentuk di sini ialah ayat majmuk gabungan. Dan sebagaimana yang telah dinyatakan bahawa contoh ayat (3) ini mempunyai persamaan dengan contoh ayat dalam teks kajian ini, iaitu fungsi unsur *kemudian* untuk menggabungkan dua klausa setara. Bagaimanapun, dari segi semantik, unsur *kemudian* didapati mempunyai komponen + *waktu*, yakni sesuatu proses lakuan, misalnya *mendongak* dilakukan selepas *mengesat-ngesat* dalam contoh ayat (9). Kedua-dua proses lakuan ini berlaku untuk jangka masa yang berturutan. Setiap proses lakuan

ini juga didapati mempunyai hubungan makna. Misalnya, kejadian Dia (Dalim) *menyelam* mempunyai hubungan dengan proses lakuan selanjutnya, *hilang* kemudian *timbul* dalam ayat (11). Seterusnya perhatikan pula perkaitan makna antara proses lakuan dalam contoh ayat lain : ayat (13) *ketawa kemudian cuba menangkap air hujan*, ayat (14) *memandang kemudian ternampak*, ayat (15) *melonjak-lonjak kemudian terjun*, ayat (16) *tersenyum kemudian berjalan*, dan ayat (17) *datang mengambilnya kemudian pergi*. Hampir semua proses lakuan yang dinyatakan di sini, kecuali ayat (14) membawa implikasi gerak fizikal yang dilakukan oleh pelaku yang serupa. Proses lakuan yang melibatkan gerak fizikal ini berlaku secara berturutan dan dinyatakan oleh unsur penghubung *kemudian* sebagai penambah maklumat lakuan, manakala lakuan dalam ayat (14) ialah kata kerja keadaan yang tidak menunjukkan gerak, iaitu proses persepsi.

Akhirnya tentang unsur *sementara*, ada disentuh oleh Za'ba (1965:192–193) yang dinamakannya sebagai sendi kata penambat (kata penghubung tak setara). Fungsi unsur ini adalah untuk menambatkan sambungan yang menunjukkan persertaan pada masa yang panjang. Contohnya:

(25) Baiklah kita pergi berjumpa dia sementara ia ada di sini.

Klausa *sementara ia ada di sini* dalam contoh ayat (25) di atas ditambatkan pada klausa utama sebelumnya bagi menunjukkan masa yang panjang. Asmah Haji Omar (1986:333) menamakannya sebagai adverbial mantera, iaitu bagi menunjukkan adanya perbuatan lain yang menjadi konteks kata kerja utama, misalnya:

(26) *Sementara menunggu kedatangan pengantin, mereka berehat-rehat dulu.*

Kata kerja utama dalam contoh ayat (26) di atas ialah *berehat-rehat*. Kata kerja *menunggu* dalam klausa *Sementara menunggu kedatangan pengantin* berfungsi sebagai adverbial mantera yang terikat maksudnya pada klausa utama selepasnya.

Nik Safiah Karim *et al.* (1991:203) pula mengkategorikan unsur *sementara* sebagai kata hubung pancangan keterangan yang berfungsi untuk menghubungkan klausa yang menjadi keterangan pada satu klausa utama, misalnya:

(27) *Sementara menanti padi masak petani itu menanam jagung.*

Kata hubung pancangan keterangan dalam konteks ini sama dengan konsep adverbial, iaitu adverbial waktu yang terikat maksudnya dengan klausa utama.

Bagaimanapun, Liaw Yock Fang dan Abdullah Hassan (1995:102) mengkategorikan unsur sementara sebagai kata penghubung waktu, misalnya:

(28) *Sementara* ibu memasak saya membasuh pinggan.

Unsur *sementara* dalam contoh ayat (28) di atas adalah sama fungsinya dengan ayat (25) – (27) di atas, iaitu berfungsi sebagai penghubung waktu.

Semua contoh ayat (25) – (28) di atas memperlihatkan fungsi unsur *sementara* bagi menunjukkan hubungan waktu sesuatu peristiwa. Sebagai kata penghubung waktu, maksud klausa ini terikat pada klausa utama selepasnya. Contoh ayat (23) dalam kajian ini bagaimanapun, memperlihatkan situasi yang berbeza kerana unsur *sementara* tidak menunjukkan hubungan waktu, tetapi sebagai sendi nama yang berfungsi untuk menerangkan keadaan watak yang diwakili oleh unsur genitif *nya* dalam *Giginya* (Tompang). Hal ini memperlihatkan bahawa penggunaan unsur *sementara* dalam teks kreatif memerlukan interpretasi yang berbeza. Fungsi unsur *sementara* dalam konteks ayat ini ialah menokok tambah. Dalam hal ini, penulis mendapati fungsi unsur sementara hampir sama dengan *manakala*, iaitu sebagaimana contoh ayat yang dikemukakan oleh Asmah Haji Omar (1986:201):

(29) Ramai orang yang cedera dan hilang, *manakala* beratus-ratus kehilangan rumah tangga dalam gempa bumi itu.

Menurut Asmah Haji Omar, unsur *manakala* dalam contoh ayat (29) di atas boleh digantikan dengan *sedangkan*. Berdasarkan penjelasan ini, maka unsur *sementara* dapat juga dikategorikan sebagai kata penghubung setara kerana fungsinya sebagai penokok tambah sesuatu maklumat. Jika pandangan ini dapat diterima, maka unsur *sementara* harus dilihat sebagai unsur yang dapat menyatakan waktu dan juga sebagai penokok tambah. Sebagai penghubung waktu, statusnya ialah kata penghubung tak setara, tetapi sebagai penokok tambah statusnya ialah kata penghubung setara.

Pola Penggunaan Kata Penghubung

Data bahasa kajian ini telah memperlihatkan pola penggunaan kata penghubung dalam wacana bahasa Melayu. Pola yang dimaksudkan ialah penggandingan beberapa proses lakuan oleh unsur penghubung. Sejumlah 13 ayat memperlihatkan fungsi unsur penghubung untuk menggandingkan beberapa proses lakuan, misalnya, *sambil*, *lalu* dan *kemudian* berbanding

empat ayat sahaja yang menggandingkan unsur bukan lakuan. Penemuan ini dapat dianggap sebagai gaya kata penghubung dalam bahasa Melayu, iaitu berdasarkan kecenderungan penggunaannya dalam sesuatu ayat. Kecenderungan pengarang teks kajian ini menggunakan unsur gerak berbanding dengan bukan gerak yang berkaitan dengan sifat teks yang berbentuk penceritaan. Pengarang harus cuba menggambarkan apa yang sedang dilakukan oleh watak, dan lakuan ini terjadi secara bersiri, yang ditunjukkan oleh unsur penghubung tertentu. Dengan ini dapat dicadangkan di sini, iaitu analisis sesuatu kata penghubung harus melihat unsur bahasa yang dihubungkan, sama ada lakuan atau bukan lakuan. Hanya dengan cara ini dapat diperjelas fungsi kata penghubung tersebut dalam sesuatu ayat kompleks. Yang berikut adalah perincian bagi jenis proses lakuan dan bukan lakuan yang dihubungkan oleh pelbagai kata penghubung dalam teks kajian ini.

Jadual 2 Proses lakuan dan bukan lakuan yang dihubungkan oleh kata penghubung.

Unsur penghubung	Proses lakuan	Proses bukan lakuan
<i>sambil/serta</i>	8	1
<i>lalu</i>	4	–
<i>kecuali</i>	–	2
<i>kemudian</i>	14	–
<i>sementara</i>	–	1
Jumlah	26	4

Jadual 2 di atas menunjukkan bahawa proses lakuan adalah yang terbanyak dihubungkan oleh sesuatu kata penghubung, iaitu sebanyak 26 berbanding dengan empat sahaja bagi unsur bukan lakuan. Perincian bagi unsur lakuan ini ialah 22 unsur gerak yang melibatkan proses lakuan dinamik (aktiviti fizikal), misalnya *membuka* dan *berbaring*. Proses lakuan ini menunjukkan adanya gerak dari satu titik ke titik yang lain dan semuanya dilakukan oleh pelaku bernyawa, iaitu manusia. Kata penghubung yang paling banyak menggunakan proses lakuan dinamik ialah *kemudian* (11), diikuti oleh *sambil* (7) dan *lalu* (3). Terdapat dua sahaja unsur gerak yang bermaksud refleksif, misalnya *ketawa* dan *tersenyum*, yang diperlihatkan oleh unsur *kemudian*. Proses lakuan yang tidak menunjukkan gerak

perbuatan ditunjukkan oleh kata kerja kognisi *memikirkan*, kata kerja persepsi *memandang* dan *ternampak*; dan kata kerja reaksi *marah*.

Bagi proses bukan lakuan pula, unsur yang dihubungkan adalah dari jenis namaan (2) dan sifatan (1). Unsur namaan dihubungkan oleh unsur *kecuali* dan *sementara*, manakala unsur sifatan dihubungkan oleh unsur *kecuali*, misalnya, *membesar*.

KESIMPULAN

Sesungguhnya maklumat linguistik tentang kata penghubung dapat dihubungkan dengan penggunaannya dalam teks kesusasteraan Melayu. Data bahasa kajian ini tidak menunjukkan penyimpangan daripada pemerian linguistik dan dapat dianggap sebagai contoh ayat yang standard dalam tatabahasa Melayu. Penemuan yang penting dalam makalah ini ialah fungsi kata penghubung sebagai penambah maklumat dalam sesuatu ayat kompleks. Sebagai penambah maklumat lakuan, maka statusnya ialah kata penghubung setara, misalnya, unsur *sambil*, *lalu* dan *kemudian*, manakala kata penghubung yang menghubungkan unsur namaan, misalnya *sementara* dapat dikategorikan sebagai kata penghubung setara dan tak setara, iaitu mengikut konteks ayat. Bagi unsur *serta* dan *kecuali/melainkan* kesnya adalah berbeza, iaitu walaupun unsur yang dihubungkannya adalah namaan, makna yang dibawanya menunjukkan kesetaraan. Misalnya, unsur *serta* menunjukkan persertaan atau kebersamaan yang hampir sama maksudnya dengan “bersama-sama”, sementara unsur *kecuali* membawa maksud pengecualian, yakni sesuatu yang bersifat pilihan. Kajian yang lebih mendalam tentang makna dan fungsi pelbagai kata penghubung dalam bahasa Melayu wajar dilakukan, khususnya dengan menggunakan data bahasa yang lebih besar. Dengan cara ini, status sesuatu kata penghubung dapat dijelaskan secara lebih berpada.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan, 1987. *Penerbitan Kata dalam Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Ahmad Samad Said, 1987. *Dari Salina ke Langit Petang: Proses Mencipta Novel*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Samad Said, 1997. *Sungai Mengalir Lesu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1986. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Chapman, R., 1975. *Linguistics and Literature: An Introduction to Literary Stylistics*. Australia: Edward Arnold.
- Cummings, M., & Simmons, R., 1983. *The Language of Literature: A Stylistic Introduction to the Study of Literature*. England: Pergamon Press.
- Fowler, R., 1979. *Linguistics and the Novel*. London: Methuen.
- Fowler, R., 1996. *Linguistic Criticism*. Oxford: Oxford University Press.
- Liaw Yock Fang dan Abdullah Hassan, 1995. *Nahu Melayu Moden*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn dan Hashim Musa, 1991. *Tatabahasa Dewan Jilid 2: Perkataan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Short, M., 1996. *Exploring the Language of Poems, Play and Prose*. London: Longman.
- Za'ba, 1965. *Pelita Bahasa Melayu: Penggal 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

LAMPIRAN 1

Penahu	Kata penghubung setara	Kata penghubung tak setara
Za'ba (1965)	<i>dan, <u>serta</u>, <u>lalu</u>, atau, tetapi, <u>melainkan</u>, <u>kecuali</u></i>	<i>Kerana, supaya, seraya, <u>sambil</u>, demi, <u>serta</u>, jika, kalau, jikalau, lamun, hingga, sehingga, semenjak, bahawa, yang, apabila, apakala, manakala, setelah, <u>sementara</u>.</i>
Asmah Haji Omar (1986)	<i>dan, tetapi, atau, <u>serta</u>, seraya, walhal, manakala</i>	<i>apabila, bila, ketika, tatkala, manakala, pada masa, pada waktu, semasa, selama, selagi, hingga, sampai, sejak, semenjak, sebab, kerana, oleh sebab, oleh kerana, agar, supaya, agar supaya, untuk, jika, kalau, jikalau, andai kata, seandainya, sekiranya, sungguhpun, meskipun, walaupun, yang, bahawa</i>
Abdullah Hassan (1987)	<i>dan, atau, tetapi, <u>serta</u>, <u>sambil</u>, walhal, padahal, manakala, asalkan, sedangkan</i>	<i>bila, ketika, apabila, seketika, tatkala, manakala, semasa, pada masa, pada waktu, selama, sewaktu, hingga, sampai, kalau, jika, jikalau, andai kata, seandainya, supaya, untuk, bagi, sungguh, sungguhpun, kerana, sebab</i>
Nik Safiah Karim et al. (1991)	<i>dan, atau, tetapi, <u>serta</u>, <u>lalu</u>, malahan, <u>sambil</u>, <u>kemudian</u>.</i>	<i>yang, bahawa, kerana, sekiranya, kalau, hingga, <u>sementara</u>, ketika, walaupun, agar, semoga, andai kata, jika(lau), setelah, tatkala, sungguhpun, meskipun, supaya, kendaripun, semasa, sewaktu</i>

sambungan LAMPIRAN 1

Penahu	Kata penghubung setara	Kata penghubung tak setara
Liaw Yock Fang dan Abdullah Hassan (1995)	<i>dan, serta, atau, tetapi, melainkan, <u>kecuali</u>, <u>sambil</u>, seraya, lagi, <u>lalu</u></i>	<i>apabila, ketika, sejak, waktu, bila, <u>sambil</u>, selagi, setelah, demi, sebelum, semenjak, sesudah, sehingga, <u>sementara</u>, tatkala</i>